

AGIHAN ZAKAT TERUS KEPADA ASNAF: ANALISIS FIQH DAN KEDUDUKANNYA DI MALAYSIA

Mohd Rusydi Ramli ^{1*}, Luqman Abdullah¹

¹ *Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*

ABSTRACT

Umumnya, kutipan dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab pemerintah. Walau bagaimanapun, terdapat perbincangan dalam kalangan fuqaha' bahawa zakat boleh diagihkan secara langsung daripada pemilik harta kepada asnaf. Perbincangan ini mengenai isu ini amat berkait rapat dengan pembahagian harta kepada zahir dan batin. Artikel ini diwujudkan bagi mengenal pasti undang-undang dan peraturan yang terdapat di Malaysia mengenai isu ini. Kajian ini akan menganalisa pendapat-pendapat fuqaha' dengan menggunakan method induktif, diduktif dan method perbandingan. Kajian dapati bahawa terdapat tiga saluran yang dibenarkan dalam Islam mengagihkan zakat. Pertama, menyerahkan zakat kepada pemerintah yang kemudiannya akan diagihkan. Kedua, mengagihkan zakat terus kepada asnaf tanpa melalui perantara amil. Ketiga, melantik wakil untuk mengagihkan zakat kepada asnaf.

Keywords: Agihan zakat, Agihan secara langsung, Saluran tidak rasmi, Harta Zahir, Harta Batin, Pemerintah Adil, Pemerintah Zalim.

Pendahuluan

Allah s.w.t meletakkan urusan zakat adalah di bawah tanggungjawab pemerintah, dan ini difahami berdasarkan firman-Nya;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

* Corresponding author: Mohd Rusydi Bin Ramli, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
E-mail: rusydiramli86@gmail.com

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak Yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

(Surah al-Taubah (9): 103)

Perkataan (خذ) dalam ayat diatas yang bermaksud ‘ambillah’ adalah merupakan arahan kepada pemerintah agar membuat kutipan zakat yang memberi erti bahawa zakat adalah menjadi sebahagian dari tanggungjawab negara.

Melihat sinario di Malaysia, dari segi praktikalnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah mewakili pemerintah dalam urusan pungutan dan agihan zakat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam perlembagaan persekutuan, serta enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Terdapat juga negeri-negeri yang menswastakan urusan kutipan zakat seperti Wilayah Persekutuan, Pahang, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Peruntukan enakmen negeri-negeri dengan jelas menyatakan kuasa memungut zakat mahupun zakat fitrah adalah di bawah bidang kuasa majlis. Antaranya dalam Fasal 86, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 memperuntukkan:

"Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan."

Di Melaka dalam Seksyen 74, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2002 menyatakan:

"Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Melaka mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di- Pertuan Agong".

Di negeri-negeri lain juga ada peruntukan sebagaimana yang disebutkan tadi. Ini menunjukkan bahawa dari segi undang-undang orang-orang Islam berkewajipan membuat bayaran zakat kepada kerajaan dan pihak kerajaan boleh menggunakan kuasa undang-undang tersebut untuk memaksa bayaran dibuat.

Walau bagaimanapun dari segi amalannya, masih terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia yang mengagihkan zakatnya secara sendiri sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Aidit Ghazali yang mengatakan bahawa ia berpunca daripada perasaan malas untuk membayar di kaunter zakat, agihan sendiri lebih memberi kepuasan, juga alasan yang menyalahkan institusi zakat seperti ketidakcekapan dalam memungut zakat, tidak yakin dengan agihan yang diajalankan serta faktor politik. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam, yang mana menurutnya terdapat beberapa alasan mengapa pembayar zakat tidak menyerahkan zakat kepada pemerintah iaitu maklumat agihan tidak jelas, agihan yang tidak menyeluruh, sebahagian harta zakat disimpan dalam institusi kewangan dan lain-lain. Ram Al Jaffri mengatakan bahawa masyarakat

sering didedahkan dengan unsur negatif institusi zakat seperti kelemahan urus tadbir serta salah laku di kalangan pegawai zakat. Saban tahun mereka didedahkan berkenaan lebihan zakat yang bernilai jutaan ringgit, namun masalah kemiskinan tidak juga selesai. Jika dilihat, kebanyakan alasan mengapa berlakunya agihan terus ini adalah disebabkan wujudnya persepsi negatif terhadap institusi zakat. Oleh sebab itu, beberapa kesimpulan daripada kajian mereka mengatakan bahawa sejauhmana pemilik harta membayar zakat adalah bergantung kepada peranan institusi zakat mengagihkan zakat tersebut, dan juga boleh dikatakan bahawa jika pembayar zakat puas hati terhadap pengurusan institusi zakat, maka semakin tinggi darjah kepatuhan untuk menyerahkan zakat kepada pusat zakat.

Daripada amalan masyarakat ini, timbul isu adakah boleh zakat diuruskan atau diagihkan sendiri oleh pembayar zakat tanpa melibatkan pemerintah? Meneliti perbincangan fuqaha' samada klasik atau moden didapati terdapat perbincangan yang agak panjang yang melibatkan beberapa isu yang menunjukkan bahawa dalam keadaan tertentu pengagihan zakat boleh dilakukan sendiri oleh pembayar. Dalam perbincangan mereka hal ini adalah bertitik tolak dari tiga klasifikasi utama iaitu sifat harta samada zahir atau batin, sifat pengurus harta samada adil atau zalim serta hubungan kekeluargaan antara pembayar dan asnaf.

Kertas ini akan menyoroti isu ini dengan menganalisis perbincangan fuqaha mengenainya serta sejauh mana perkara ini disentuh dalam undang-undang di Malaysia. Perbincangan ini akan dimulai dengan unsur pertama yang menyebabkan percanggahan pendapat di kalangan fuqaha' samada tidak atau membenarkan pengagihan sendiri dilakukan, unsur ini adalah pembahagian harta kepada zahir dan batin.

Harta Zahir Dan Batin

Mengambil rumusan yang dikeluarkan oleh al-Haitami, harta batin adalah harta yang tidak diketahui pada kebiasaannya dan ianya tidak berkembang dengan sendirinya. Sementara harta zahir adalah harta yang diketahui dan berkembang dengan sendiri. Harta-harta yang tergolong dalam kategori harta batin adalah emas dan perak (*al-Zahab Wa al-Fiddah*), harta karun (*Rikaz*), harta dagangan (*'Urud al-Tijarah*) dan zakat fitrah. Manakala harta zahir adalah binatang ternakan (*Mashiah*), tanaman dan buah-buahan, galian (*Ma'adin*), serta harta batin yang dibawa masuk dari suatu bandar ke bandar yang lain.

Kedua-dua jenis harta ini dibahas panjang oleh fuqaha' samada perlu diserahkan kepada pemerintah atau boleh diserahkan kepada asnaf tanpa melalui amil. Golonga pertama yang terdiri daripada mazhab Hanafi serta *Qaul jadid* dalam mazhab Shafi'i mengatakan zakat perlu diserahkan kepada pemerintah berdasarkan dalil dari surah al-Taubah ayat 103 sebagai mana yang disebutkan di atas

Arahan Allah s.w.t kepada nabi Muhammad s.a.w dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa urusan harta zakat adalah di bawah tanggungjawab pemerintah. Hujah mereka dikuatkan lagi melalui perbuatan khalifah Abu Bakar *al-Siddiq* yang memerangi golongan yang tidak mengeluarkan zakat semasa pemerintahannya. *Qaul Qadim* dalam mazhab Shafi'i juga mewajibkan zakat diserahkan kepada pemerintah dengan menggunakan dalil yang sama, namun ianya terhad kepada harta zahir sahaja. Hujah mereka ini juga berdalilkan hadith yang bermaksud;

وَأَنْ تَأْخُذُوا مِنْ أَمْوَالِ أَعْيَانِكُمْ فَتَرُدُّوهَا عَلَىٰ فُقَرَائِكُمْ

“Aku diutuskan untuk mengambil (zakat) daripada orang-orang kaya dikalangan kamu dan mengembalikannya kepada golongan fakir dikalangan kamu”

Serta perbuatan khalifah Abu Bakar *al-Siddiq* r.a;

قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي مَانِعِي الزَّكَاةِ لَوْ مَنْعُونِي عَنَاقًا أَوْ عِقَالًا مِمَّا
أَعْطَا رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لَقَاتَلْتُهُمْ عَلَيْهِ

“Demi Allah, sekiranya mereka enggan membayar kepadaku zakat unta dan kambing yang pernah mereka berikan kepada Rasulullah s.a.w nescaya akanku perangi mereka disebabkan keengganannya mereka!”

Kedua-dua hadith serta *athar* sahabat ini juga membawa maksud yang sama seperti ayat 103 daripada surah al-Taubah, di mana kuasa Nabi Muhammad s.a.w (sebagai pemerintah pada waktu itu) ditugaskan sebagai pengurus harta zakat serta sumpah khalifah Abu Bakar *al-Siddiq* yang akan memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat.

Bagi golongan ke dua, mereka berpendapat harta batin boleh diagihkan sendiri oleh pemiliknya. Menurut imam-imam mazhab Hanafi, pada zaman Rasulullah s.a.w, Abu Bakar *al-Siddiq* serta ‘Umar *al-Khattab*, harta batin dipungut dan diserahkan kepada pemerintah. Namun pada zaman khalifah ‘Uthman bin al-‘Affan, harta batin diserahkan kepada pemilik harta untuk diagihkannya sendiri. Hal ini disebabkan penduduk pada waktu itu mempunyai harta yang banyak sehingga menyukarkan pemungut-pemungut zakat untuk menjalankan pemeriksaan. Perbuatan khalifah ‘Uthman ini merupakan *ijma’* sahabat. Namun kebenaran ini tidak menggugurkan hak pemerintah untuk mengambil zakat. pemerintah boleh memaksa pemilik harta agar mengeluarkan zakat sekiranya mereka ingkar.

Dalam mengharuskan agar harta zahir diserahkan kepada pemerintah, *Qaul Jadid* dalam mazhab Shafi’i turut mengharuskan agar harta batin diagihkan sendiri oleh pemiliknya. Mereka menggunakan dalil;

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعْمًا هِيَ وَإِنْ تُخْفَوْهَا وَتُؤْتَوْهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيَكْفُرُ
عَنْكُمْ مَنْ سَيَّأَتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ٢٧١

“Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka Yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh Yang baik). dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui secara mendalam akan apa Yang kamu lakukan.”

(Surah al-Baqarah (2): 271)

Serta ayat ke-274 daripada surah yang sama;

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ٢٧٤

“Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.”

(Surah al-Baqarah (2): 274)

Dalil umum daripada kedua-dua ayat ini menunjukkan keharusan mengeluarkan sedekah (fardhu atau sunat) tanpa sebarang pengkhususan. Al-Mawardi menjelaskan bahawa pemerintah tiada kuasa ke atas harta batin dan pemilik lebih berhak ke atas harta batinnya itu. Walaupun begitu, jika pemilik tidak mengeluarkan zakat pemerintah boleh memaksa dengan mengatakan “Agihkan zakat itu”, atau “serahkan kepadaku untuk diagihkan”.

Walau bagaimanapun terdapat pandangan ke tiga yang tidak memfokuskan kepada harta zahir atau batin, namun menyatakan secara umum tentang pengutamaan agihan sendiri berbanding menyerahkan kepada pemerintah. Menurut al-Mahami, afdal mengagihkan sendiri daripada mewakili. Agihan sendiri akan memberikan kepercayaan dan keyakinan berbanding mewakili yang berkemungkinan harta tersebut diseleweng. Sementara dalam mazhab Hanbali, Ibn Qudamah mengatakan sunat mengagihkan sendiri. Ibn Taimiyyah pula mengatakan afdal. Manakala imam Ahmad juga lebih menyukai orang yang mengagihkan sendiri zakatnya seperti kata-katanya; “yang paling ku senangi adalah pemilik harta yang mengeluarkan sendiri zakatnya. Akan tetapi, jika pemilik harta menyerahkan zakat kepada pemimpin itupun dibolehkan”.

Ibn Muflih mengatakan hukumnya sunat dengan syarat dia seorang yang amanah. Ini berasaskan ayat 271 daripada surah al-Baqarah. Beliau juga mengkiaskan seperti penghutang yang melangsaikan hutangnya. Di mana pemiutang menerima sendiri wang daripada penghutang.

Pemerintah Adil Dan Zalim

Sebagai mana yang telah disebutkan, masalah agihan terus tidak hanya berkisar melalui pembahagian harta zahir dan batin, namun turut melibatkan sifat pemerintah samada adil atau tidak. Tiada perbezaan pendapat di antara fuqaha’ dalam menyerahkan zakat kepada pemerintah yang adil. Namun jika pemerintah tersebut seorang yang zalim, terdapat dua pendapat mengenainya.

Golongan pertama membenarkan zakat diserahkan kepada pemerintah yang zalim. Mereka terdiri daripada sebahagian fuqaha’ mazhab Maliki serta Hanbali. Sebahagian fuqaha’ Malikiyyah mewajibkan penyerahan zakat kepada pemerintah sekalipun zalim.

Zakat yang diserahkan adalah sah dengan syarat ia diniatkan. Dalam mazhab Hanbali, Ibn Qudamah mengatakan walau dalam apa cara sekalipun zalim atau adil, dipaksa atau sukarela, menyerahkan zakat kepada pemerintah adalah tetap sah. Al-Qardawi turut bersetuju dengan pandangan ini jika pemerintah mengambil mengikut pensyariaan zakat. Dalil yang menyokong pandangan ini adalah;

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى وَمُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَا: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سِمَاكِ بْنِ حَرْبٍ عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَاثِلٍ الْحَضْرَمِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: سَأَلَ سَلَمَةَ بْنَ زَيْدٍ الْجُعْفِيَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَرَأَيْتَ إِنْ قَامَتْ عَلَيْنَا أَمْرَاءٌ يَسْأَلُونَا حَقَّهُمْ وَيَمْنَعُونَا حَقَّنَا فَمَا تَأْمُرُنَا فَأَعْرَضَ عَنْهُ ثُمَّ سَأَلَهُ فَأَعْرَضَ عَنْهُ ثُمَّ سَأَلَهُ فِي الثَّانِيَةِ أَوْ فِي الثَّلَاثَةِ فَجَذَبَهُ الْأَشْعَثُ بْنُ قَيْسٍ وَقَالَ: «اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا فَإِنَّمَا عَلَيْهِمْ مَا حُمِّلُوا وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ»

“Daripada ‘Alqamah bin Wail al-Hadramiy, ayahnya berkata; Telah bertanya Salamah bin Yazid al-Ju’fi kepada r.a Rasulullah s.a.w: ‘Wahai Nabi Allah, apakah pandanganmu jika nanti berdiri pada kami pemerintah-pemerintah yang meminta hak mereka dan menghalang hak kami, maka apakah perintahmu?’ lalu baginda berpaling daripadanya, kemudian dia bertanya lagi, maka baginda berpaling daripadanya, kemudian dia bertanya lagi pada kali yang kedua atau ketiga lalu ditarik oleh al-Asy’as bin Qais r.a lalu baginda Rasulullah s.a.w bersabda: “Dengarlah dan taatlah kerana sesungguhnya atas mereka apa yang mereka dipertanggungjawabkan dan atas kamu apa yang kamu dipertanggungjawabkan”

(Riwayat Muslim dan Tarmizi)

Dalam masalah ini terdapat juga golongan yang berpendapat agar zakat perlu diagih sendiri oleh pemiliknya. ‘Ata’ dalam mazhab Hanbali mengatakan bahawa pemilik harta boleh mengagihkan zakatnya sendiri, namun jika pemerintah mengagihkan zakat tepat pada sasaran, maka perlu menyerahkan zakat itu kepadanya. Manakala Sha’bi dan Abu Ja’far juga berkata; “Apabila kamu melihat bahawa pemimpin tidak berlaku adil, maka berikanlah zakat itu langsung kepada asnaf yang memerlukan”. Abu al-Khatib mengatakan lebih afdal menyerahkan zakat kepada pemimpin yang adil. Imam Shafi’i berpendapat tidak boleh diserahkan zakat kepada pemerintah zalim. Ini berdasarkan ayat; “JanjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim” dalam surah al-Baqarah;

﴿وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ۖ﴾ ١٢٤

Maksudnya: dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya Dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon Dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari

keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang Yang zalim."

(Surah al-Baqarah (2): 124)

Imam Dardir dalam mazhab Maliki mengatakan wajib ingkar perintah pemimpin yang zalim dan berusaha sedaya upaya menghindari daripada menyerahkan zakat kepadanya. Sheikh Zarruq menambah supaya harta zakat disembunyikan dan melakukan agihan sendiri. Namun jika pemerintah yang zalim tidak mengagihkan zakat (harta zahir) tersebut, bagi fuqaha' mazhab Hanafi pemilik harta wajib mengulangi pembayaran zakat. Bagi harta batin tidak sah sama sekali menyerahkan zakat kepada pemerintah yang zalim.

Menyerahkan Zakat Kepada Keluarga

Hak dalam hubungan kekeluargaan amat penting dalam Islam. Islam mendahulukan kekeluargaan dalam dalam masalah-masalah seperti perwarisan, harta pusaka, nasab, nafkah dan sebagainya. Hak kekeluargaan ini mendahului golongan yang lain sebagai mana dinyatakan dalam firmanNya;

وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا
أَنْ تَفْعَلُوا إِلَىٰ أَوْلِيَائِكُمْ مَّعْرُوفًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ٦

"...dan orang-orang Yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya Yang lain - menurut (hukum) Kitab Allah - daripada orang-orang Yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya), kecuali kalau kamu hendak berbuat baik kepada sahabat-sahabat karib kamu. hukum Yang demikian itu adalah tertulis Dalam Kitab Allah."

(Surah al-Ahzab (33): 6)

Serta firman Allah s.w.t;

فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ
وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٣٨

"maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian Yang demikian adalah baik bagi orang-orang Yang bertujuan memperoleh keredaan Allah dan mereka itulah orang-orang Yang berjaya."

(Surah al-Rum (30): 38)

Begitu juga dalam permasalahan zakat. Pemberian zakat kepada keluarga yang miskin lebih diutamakan berbanding asnaf yang lain. Dalam perkara ini, fuqaha' menetapkan tiga golongan yang lebih layak menerima zakat terus daripada pembayarnya. Yang pertama adalah suami yang miskin yang menerima zakat daripada isterinya. Kebenaran

ini ni bersumberkan hadih yang diriwayatkan oleh Zainab di mana Rasulullah s.a.w membenarkannya menyerahkan zakat kepada suaminya malah turut memperoleh dua pahala kerana menyambung silaturrahim serta pahala mengeluarkan zakat itu sendiri. Hadith tersebut ialah;

....فَانطَلَقْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدْتُ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ عَلَى الْبَابِ حَاجَتُهَا مِثْلُ حَاجَتِي فَمَرَّ عَلَيْنَا بِلَالٌ فَقُلْنَا: سَلِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيَجْزِي عَنِّي أَنْ أَنْفِقَ عَلَى زَوْجِي وَأَيْتَامٍ لِي فِي حَجْرِي وَقُلْنَا: لَا تُخْبِرُ بِنَا فَدَخَلَ فَسَأَلَهُ فَقَالَ: «مَنْ هُمَا» قَالَ: زَيْنَبُ قَالَ: «أَيُّ الزَّيَانِبِ» قَالَ: امْرَأَةُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: «نَعَمْ لَهَا أَجْرَانِ أَجْرُ الْقَرَابَةِ وَأَجْرُ الصَّدَقَةِ»

“... Maka aku mendatangi Nabi s.a.w. Sesampainya aku di rumah Nabi s.a.w, aku dapati ada seorang wanita yang ingin bertanya kepada Baginda s.a.w seperti yang ingin aku tanyakan. Ketika Bilal lewat di depan kami, maka kami sampaikan pesan kepadanya: “Tanyakan kepada Nabi s.a.w, apakah sudah cukup bagiku jika aku menafkahkan hartaku kepada suamiku dan sejumlah anak yatim yang di bawah asuhanku?” Dan kami berpesan kepadanya: “Jangan diberitahukan kepada beliau s.a.w tentang kehadiran kami di sini.” Bilal masuk ke rumah Nabi s.a.w dan menyampaikan pertanyaan kami. Tanya Baginda s.a.w: “Siapakah kedua orang itu?” Jawab Bilal: “Ia adalah Zainab.” Tanya Baginda s.a.w: “Zainab yang mana?” Jawab Bilal: “Ia adalah isteri Abdullah ibnu Mas’ud.” Sabda Baginda s.a.w: “Ya, ia akan diberi dua pahala, pahala menyambung tali kaum kerabat dan pahala sedekah.”

Sebahagian fuqaha’ meggunakan hadith ini sebagai dalil keharusan bagi seorang isteri membayar zakat kepada suaminya. Antara yang berpendapat sebegini ialah mazhab Syafi’i, al-Thuri, pengikut-pengikut imam Abu Hanifah, imam Ahmad serta satu daripada dua riwayat imam Malik.

Golongan ke dua adalah anak yang miskin yang menerima zakat daripada ibunya sendiri. Kebenaran agihan begini dirakam dalam hadith daripada Abi Sa’id al-Khudri yang turut mengisahkan agihan zakat oleh Zainab kepada anak dan suaminya;

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَى أَوْ فِطْرٍ إِلَى الْمُصَلَّى ثُمَّ أَنْصَرَ فَوَعِظَ النَّاسَ وَأَمَرَهُمْ بِالصَّدَقَةِ فَقَالَ: «أَيُّهَا النَّاسُ تَصَدَّقُوا» فَمَرَّ عَلَى النِّسَاءِ فَقَالَ: «يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ فَإِنِّي رَأَيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ» فَقُلْنَ: وَبِمَ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: «تُكْفِرْنَ اللَّعْنَ وَتُكْفِرْنَ الْعَشِيرَ مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلِ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِلْبَّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ» ثُمَّ أَنْصَرَ فَلَمَّا صَارَ إِلَى مَنْزِلِهِ جَاءَتْ زَيْنَبُ امْرَأَةُ ابْنِ مَسْعُودٍ تَسْتَأْذِنُ عَلَيْهِ فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذِهِ زَيْنَبُ فَقَالَ: «أَيُّ الزَّيَانِبِ» فَقِيلَ: امْرَأَةُ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: «نَعَمْ ائْتُوا لَهَا» فَأَذِنَ لَهَا قَالَتْ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنَّكَ

أَمَرَتِ الْيَوْمَ بِالصَّدَقَةِ وَكَانَ عِنْدِي حُلِيٌّ لِي فَأَرَدْتُ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِهِ فَرَزَعَ ابْنُ مَسْعُودٍ أَنَّهُ وَوَلَدُهُ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَلَيْهِمْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «صَدَقَ ابْنُ مَسْعُودٍ زَوْجُكَ وَوَلَدُكَ أَحَقُّ مَنْ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَيْهِمْ»

“Dari Abu Sa'id al Khudri : ... Zainab, isteri Ibnu Mas'ud datang meminta izin untuk bertemu. Ada yang memberitahu: "Wahai Rasulullah, ini adalah Zainab," beliau bertanya,"Zainab yang mana?" Maka ada yang menjawab: "(Zainab) isteri Ibnu Mas'ud," beliau menjawab,"Baiklah. Izinkanlah dirinya," maka ia (Zainab) berkata: "Wahai, nabi Allah. Hari ini engkau memerintahkan untuk bersedekah. Sedangkan aku mempunyai perhiasan dan ingin bersedekah. Namun Ibnu Mas'ud mengatakan bahwa dirinya dan anaknya lebih berhak menerima sedekahku," Nabi bersabda,"Ibnu Mas'ud berkata benar. Suami dan anakmu lebih berhak menerima sedekahmu."

Sheikh 'Abd al-Qadir bin Shaibah al-Hamd mengatakan bahawa penyerahan zakat yang paling utama adalah kepada anaknya sendiri. Seperti mana hadith di atas, Rasulullah s.a.w mengatakan bahawa ibnu Mas'ud dan anaknya lebih berhak menerima zakat membuktikan keutamaan pemberian zakat itu adalah kepada suami serta anak yang miskin.

Islam juga menggalakkan seseorang agar mengagihkan zakatnya kepada kaum kerabat yang miskin terlebih dahulu berbanding mereka yang tidak mempunyai hubungan kerabat. Ini berdasarkan hadith daripada Anas bin Malik;

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: كَانَ أَبُو طَلْحَةَ أَكْثَرَ الْأَنْصَارِ بِالْمَدِينَةِ مَالًا مِنْ نَخْلٍ وَكَانَ أَحَبَّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ بَيْرُحَاءَ وَكَانَتْ مُسْتَقْبَلَةَ الْمَسْجِدِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُهَا وَيَشْرَبُ مِنْ مَاءٍ فِيهَا طَيِّبٍ قَالَ أَنَسُ: فَلَمَّا أَنْزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: {لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ} [آل عمران: 92] قَامَ أَبُو طَلْحَةَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَقُولُ: {لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ} [آل عمران: 92] وَإِنَّ أَحَبَّ أَمْوَالِي إِلَيَّ بَيْرُحَاءَ وَإِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ أَرْجُو بِرَّهَا وَدُخْرَهَا عِنْدَ اللَّهِ فَضَعَهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «بِخَ ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ وَقَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ وَإِنِّي أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ» فَقَالَ أَبُو طَلْحَةَ: أَفْعَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَحَسَمَهَا أَبُو طَلْحَةَ فِي أَقْرَبِيهِ وَبَنِي عَمِّهِ تَابِعَهُ رَوْحٌ وَقَالَ يَحْيَى بْنُ يَحْيَى وَإِسْمَاعِيلُ: عَنْ مَالِكٍ «رَابِحٌ»

“Telah bercerita kepada kami 'Abdullah bin Maslamah dari Malik dari Ishaq bin 'Abdullah bin Abu Thalhaf bahwa dia mendengar Anas bin malik r.a berkata: Abu

Talhah adalah orang yang paling banyak hartanya dari kalangan Ansar di kota Madinah berupa kebun pohon kurma dan harta benda yang paling dicintainya adalah Bairuha' (sumur yang ada di kebun itu) yang menghadap ke masjid dan Rasulullah s.a.w sering memasuki kebun itu dan meminum airnya yang baik tersebut. Berkata Anas; Ketika turun firman Allah s.w.t [QS Ali 'Imran: 92] yang artinya: (Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai), Abu Talhah mendatangi Rasulullah s.a.w lalu berkata; Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah s.w.t telah berfirman: (Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai), dan sesungguhnya harta yang paling aku cintai adalah Bairuha' itu dan sekarang dia menjadi sedekah di jalan Allah dan aku berharap kebaikannya dan sebagai simpanan pahala di sisi-Nya, maka ambillah wahai Rasulullah sebagaimana petunjuk Allah kepada Tuan. Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Wah, inilah harta yang menguntungkan, atau harta yang pahalanya mengalir terus. Pada kalimat ini Abu Salamah ragu. Sungguh aku sudah mendengar apa yang kamu katakan dan aku berpendapat sebaiknya kamu sedekahkan buat kerabatmu. Maka Abu Talhah berkata: Aku akan laksanakan wahai Rasulullah. Lalu Abu Talhah membahagikannya untuk kerabatnya dan anak-anak saudaranya. Dan berkata Isma'il dan 'Abdullah bin Yusuf dan Yahya bin Yahya dari Malik: (Inilah harta yang pahalanya) mengalir terus.

Dalam hadith ini jelas menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w menyuruh Abu Talhah meyerahkan harta sedekah kepada kaum kerabatnya. Perbuatan mendahulukan kaum kerabat dalam pembahagian sedekah adalah suatu yang afdal berbanding menyerahkan kepada orang lain. Hal ini juga turut disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Sulaiman bin 'Amir di mana Rasulullah s.a.w menyatakan akan mendapat dua pahala bagi mereka yang menyerahkan zakat kepada keluarga.

أَخْبَرَنَا أَبُو حَاتِمٍ الْبَصْرِيُّ حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ عَنْ حَفْصَةَ بِنْتِ سِيرِينَ عَنْ أُمِّ الرَّائِحِ بِنْتِ صُلَيْعٍ عَنْ سَلْمَانَ بْنِ عَامِرِ الضَّبِّيِّ ذَكَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِنَّ الصَّدَقَةَ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ وَإِنَّهَا عَلَى ذِي الرَّحِمِ اثْنَتَانِ صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ»

“Daripada Sulaiman bin 'Amir, mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda: “Sesungguhnya sedekah (zakat) kepada golongan miskin hanyalah satu sedekah, dan sedekah ke kepada kaum kerabat adalah dua pahala, iaitu pahala bersedekah dan pahala menyambung silaturrahim”

Peraturan Di Malaysia

Di Malaysia, sebagai mana yang dinyatakan dalam Senarai II (Senarai Negeri, No.1) perlembagaan persekutuan, perkara yang berkaitan dengan zakat diletak di bawah bidang kuasa MAIN. Ia juga dinyatakan dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) bagi wilayah-wilayah persekutuan, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam bagi negeri-negeri, serta Enakmen Zakat Negeri seperti;

- a) Fasal 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
- b) Seksyen 51, Bahagian 3, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1994
- c) Seksyen 74, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
- d) Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
- e) Seksyen 82, Bahagian 5, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991
- f) Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- g) Seksyen 75, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
- h) Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- i) Seksyen 56, Bahagian 3, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992
- j) Seksyen 70, Bahagian 5, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001

Umumnya, Majlis (bagi pihak sultan) berkuasa memungut zakat daripada setiap orang Islam yang layak dan membuat peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Hal ini dapat dilihat menerusi undang-undang yang telah disebutkan di atas yang mana hampir kesemuanya berbunyi “Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam...”. Kuasa di bawah negeri yang berbeza memperlihatkan perlaksanaan sistem kutipan dan agihan yang berbeza. Sesetengah negeri menswastakan kuasa kutipan zakat seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan lain-lain sebagai mana yang telah disebutkan dalam pendahuluan di atas. Sesetengah negeri mempertanggungjawabkan urusan kutipan kepada Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri (JHEIN) sementara kuasa agihan dikekalkan kepada Baitulmal dan terdapat juga negeri yang mengekalkan kuasa pungutan dan agihan oleh MAIN seperti Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Salain daripada undang-undang yang disebutkan di atas, bukti yang menunjukkan bahawa institusi zakat adalah badan yang berkuasa menguruskan zakat juga dapat dilihat menerusi perintah mengeluarkan bagi jenis-jenis zakat serta polisi yang digunapakai. Antaranya adalah pemilik harta dibenarkan mengagihkan sendiri zakatnya langsung kepada asnaf, namun dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan pihak MAIN. MAIN kemudiannya akan membahagikan harta tersebut kepada beberapa pecahan dan bakinya akan diserahkan kepada pemiliknya untuk diagihkan sendiri. Pecahan ini adalah berbeza mengikut negeri, bagi negeri Kelantan jumlah yang dibenarkan adalah 1/3 daripada harta zakat dan bagi negeri Terengganu adalah 2/7 bahagian.

Rebat cukai pendapatan juga menjadi bukti apabila pembayar zakat yang mempunyai resit bayarannya akan diberikan rebat bagi menolak jumlah cukai pendapatan yang sepatutnya dibayar. Hal ini dapat dilihat melalui keterangan dalam Seksyen 6A (3), Akta Cukai Pendapatan 1967;

(3) A rebate shall be granted for a year of assessment for any zakat, fitrah or any other Islamic religious dues payment of which is obligatory and which are paid in the basis year for that year of assessment to, and evidenced by a receipt issued by, an appropriate religious authority established under any written law.

Walaupun begitu, ada usaha-usaha yang melarang agar pengagihan secara persendirian dilakukan sebagaimana keterangan daripada Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengatakan pengagihan sebegini adalah sah, namun berdosa kerana melanggar arahan sultan dalam perkara yang baik. Hal ini sebagai mana kenyataan fatwa berikut;

a. “Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

b. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib”

Negeri Selangor mengguna pakai dan mewartakan fatwa yang sama. Bagi negeri lain, tidak terdapat mana-mana fatwa yang menjelaskan mengenainya, namun bagi negeri Pahang, Terengganu, dan Sabah, mereka hanyalah mengguna pakai fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ini. Bagi negeri Kelantan, terdapat enakmen yang tidak membenarkan agihan terus dijalankan berdasarkan keterangan berikut;

Sesiapa selain daripada amil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis yang memungut atau mengambil zakat atau fitrah yang ditaksirkan kena dibayar kepada Majlis, atau membayar zakat atau fitrah yang ditaksirkan kena dibayar kepada Majlis kepada mana-mana orang lain selain daripada amil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Walaupun begitu, enakmen tersebut hanyalah ditujukan kepada mereka-mereka yang melakukan agihan terus tanpa melakukan pendaftaran di MAIN terlebih dahulu. terdapat peraturan-peraturan yang membenarkan agihan terus dilakukan, dengan syarat pemilik harta perlu menyerahkan zakatnya terlebih dahulu kepada MAIN sebagai mana negeri Kelantan dan dan Terengganu yang telah dijelaskan di atas dan negeri kedah membenarkan agihan terus dilakukan bagi semua jenis zakat melainkan zakat padi.

Selain daripada negeri-negeri yang disebutkan di atas, hampir kesemua negeri melarang agihan sebegini dilakukan. MAIN berkuasa mendakwa jika mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan.

Kesimpulan

Dari sudut fiqh, terdapat kebenaran menjalankan agihan zakat secara terus kepada asnaf berdasarkan kesan pembahagian harta zahir dan batin, pemerintah adil atau sebaliknya serta hubungan kekeluargaan antara pembayar dan asnaf. Di Malaysia, didapati,

pembahagian harta serta masalah hubungan kekeluargaan tidak dinyatakan dan diaplikasi dalam undang-undang, melainkan dalam masalah menyerahkan zakat kepada pemerintah yang adil dengan mewajibkan menyerahkan zakat kepada *Ulul Amri* yang mengarahkan dalam perkara kebaikan, sebagai mana yang dinyatakan dalam fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Dengan wujudnya fatwa ini, negeri Selangor dan beberapa buah negeri yang lain turut mewajibkan, sebahagian yang lain hanya menggalakkan penyerahan kepada pemerintah dan sebahagian yang lain membenarkan.

Rujukan

- “Kajian Semula Hukum Agihan Semula Zakat Secara Persendirian”, laman sesawang *E-Fatwa*, dicapai 4 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-semula-hukum-agihan-semula-zakat-secara-persendirian>.
- 'Abdul Qadir bin Syaibah al-Hamd, (1997). *Fiqh al-Islam Syarh Bulughhi al-Maram*, (t.tp, t.p, t.t)
- Abi Shaibah, *Musnad Ibn Abi Shaibah* (t.t), al-Riyad: Dar al-Watan
- Ahmad Fahme Mohd Ali et.al (2014), "Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat", dalam *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, no.8
- Aidit Ghazali, (1998) 'Fenomena Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi: Satu Analisis Empirik' dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*, ed. Mohd Ali Hj. Baharum, t.tp: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Aidit Ghazali, (1988). *Zakat-Satu Kajian*, Petaling Jaya, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Al-'Asqalani, (t.t). Ahmad bin 'Ali bin Hajar, *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 3, Dar al-Turath.
- Al-Ansari, (t.t). Zakariyya bin Muhammad, *Al-Gharar Al-Bahiyah Fi Sharh Al-Bahjah Al-Wardiyyah*, t.tp: Mauqi' al-Islam.
- Al-Ansari, (1994). Zakariyya bin Muhammad, *Fath Al-Wahhab Bi Sharh Minhaj Al-Tullab*, t.tp: Dar al-Fikr.
- Al-Bujairami, Sulaiman bin Muhammad, (1393). *Al-Tajrid Linafi'Al-'Abid*, t.tp: t.p.
- Al-Darimi, Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin 'Abd al-Samad, (2000). *Sunan al-Darimi*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar al-Mughni Li Nashr Wa al-Tauzi.
- Al-Dusuki, Muhammad Bin Ahmad Bin 'Arafah, (t.t). *Hasyiah al-Dusuki 'Ala al-Syarh al-Kabir*, t.tp, Dar al-Fikr.
- Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad, (1983). *Tuhfah al-Muhtaj Fi Sharh al-Minhaj Wa Hawasyi al-Syarwani Wa al-'Ibadi*, Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Imrani, (2000), *al-Bayan Fi Mazhab al-Imam al-Shafi'i*, Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud bin Ahmad, (2004). *Bada'i al-Sana'i Fi Tartibi al-Syara'i*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Muhmmad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayah al-Diniyyah*, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Muhmmad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, (1999). *Al-Hawi Al-Kabir Fi Fiqh Mazhab Al-Imam Al-Shafi'i*, Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din Yahya bin Syarif al-Nawawi, (1991). *Raudah Al-Talibin Wa Umdah al-Muftin*, Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din Yahya bin Syarif al-Nawawi, (t.t). *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*, t.tp: Dar-al-Fikr.

- Al-Qardawi, Yusuf, (1985). *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib, (1994), *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, t.tp: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Al-Syirazi, Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali, (1995). *Al-Muhadhab Fi Fiqh Al-Imam Al-Shafi'i*, Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Azman Ab Rahman et.all, "Zakat Institution In Malaysia: Problems And Issues", (2012). *Global Journal al-Thaqafah*, no.2
- Bukhari, (2002). *Sahih al-Bukhari*, Dar Tauq al-Najat.
- Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Bahagian 7, Seksyen 107.
- Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993 bagi negeri Sabah.
- Fasal 86, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- Hairunnizam Wahid et.al, (2007). "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia", dalam *Jurnal Islamiyyat*,
- Hairunnizam Wahid et.al, (2010). "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf : Kajian Di Malaysia", dalam *Jurnal Pengurusan Jauhar*.
- Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada, Laman Sesawang E-Fatwa, dicapai 4 Oktober 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada>
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Bin 'Umar Bin 'Abd al-'Aziz 'Abidin al-Dimasyqi al-Hanafi, (t.t), *Rad al-Mukhtar 'Ala al-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*, al-Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Ibn Muflih, Syams al-Din Muhammad bin Muflih al-Maqdisi, (t.t), *al-Furu'*, Amman: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Maufiq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad Muhammad, (1994), *al-Kafi Fi Fiqh al-Imam Ahmad*, Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Maufiq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad Muhammad, (t.t), *Al-Mughni Wa Yalih al-Syarh al-Kabir*, t.tp; Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Taimiyyah, 'Abd al-Salam Bin 'Abullah Bin al-Khadr Bin Muhammad, (t.t). *al-Muharrar Fi al-Fiqh 'Ala Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Logman Husain, Pegawai Jabatan Zakat Negeri Kedah, dalam temubual dengan penulis, 10 September 2013.
- Mohamad Zaim Ismail et.al (2013), "Zakat Pertanian Di Malaysia: Satu Kajian Pemerikasaan", dalam *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, no.7
- Mohamed Fuad Bin Mohamed Zainudin (Ketua Bahagian Khidmat Zakat Berjadual, Pusat Kutipan Zakat Pahang) dalam temubual dengan penulis, 12 Januari 2014
- Mohd Ali Baharom, "Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia", dalam Mohd Ali Baharom (ed.), (1989). *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Muhammad Sulaiman al-Asyqar , (1998). *al-Iltizam Bi al-Zakah Fi al-Zahir Wa al-Batin Min al-Amwal Wa Masymulat Kulli Min Huma Fi al-'Asr al-Hadith dalam Abhas Fiqhiyyah Fi Qadaya al-Zakah al-Mu'asarah*, al-Urdun: Dar al-Nafis.
- Muhammad Uzair et.al (2015), "Fatwa-Fatwa Zakat Di Negeri Perak: Satu Analisa" dalam *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, no.9
- Muslim, (t.t), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Nazli Amirri Bin Ngah (Penolong Pegawai Bahagian Kutipan Dan Promosi, Pusat Zakat Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 10 September 2013.

- Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77], Senarai Perundangan, Senarai II – Senarai Negeri, No.1.
- Ram Al Jaffri et.al, (2009). “Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan”, dalam *Jurnal Syariah*, 17, No. 3.
- Safruddin Manshuruddin, (Pegawai Pusat Zakat Sabah), dalam temubual dengan penulis, 10 September 2013.
- Sanep Ahmad et.al, (2006). “Penswastaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Formal Di Malaysia”, dalam *International Journal of Management Studies*, 13, 2,
- Seksyen 70, Bahagian 5 bagi Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001.
- Seksyen 74, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Seksyen 75, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- Seksyen 82, Bahagian 5 bagi Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991.
- Seksyen 86, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Seksyen 86, Bahagian 6 bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Siti Mashitoh Mahmood, “Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan”, (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, PWTC Kuala Lumpur, 2007).
- Wan Fadhlina bt Wan Yusoff , (Penolong Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 10 September 2013.
- Zarruq, Ahmad bin Muhammad al-Barnasi al-Fasi, (1982). *Syarh al-Risalah*, t.tp: Dar al-Fikr.